

Duit masuk akaun Najib daripada bon IMTN

Bekas PM turut terima AS\$30 juta menerusi syarikat samaran: Saksi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi, di sini diberitahu bahawa wang lebih RM60.6 juta yang dipindahkan ke dalam akaun peribadi AmIslamic Datuk Seri Najib Razak, berasal daripada terbitan Bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) oleh Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA).

TIA ditukar nama kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah sebuah syarikat pelaburan strategik milik penuh kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan Diperbadankan (MKD) pada 25 September 2009.

Penganalisis Pasukan Petugas Khas 1MDB yang juga saksi pendakwaan ke-47, Adam Ariff Mohd Roslan, berkata wang dalam akaun Najib yang diterima pada 23 Februari dan 13 Jun 2011 daripada akaun Bank Riyad, juga berasal daripada pinjaman bertempoh bersindiket RM2.5 bilion oleh 1MDB.

Beliau berkata demikian ketika



Najib hadir di Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohd Shahril Badri Saali/BH)

menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Kamal Baharin Omar pada sesi pemeriksaan utama, berhubung sumber wang berkenaan berdasarkan analisis keseluruhan yang dijalankan saksi.

Adam Ariff yang menjalankan analisis ke atas jejak wang dalam akaun bekas Perdana Menteri itu memberitahu mahkamah, akaun bank Najib menerima RM60,629 juta daripada Putera Faisal Turki Bandar Al-Saud, pada 23 Februari dan 13 Jun 2011.

Katanya, nombor akaun bank Putera Faisal adalah sama dengan nombor akaun Bank Riyad, Arab Saudi yang menerima dana daripada Good Star Ltd iaitu syarikat

milik ahli perniagaan dalam bu-ruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Beliau berkata, akaun Bank Riyad itu memindahkan dana ke akaun Najib dalam tempoh satu hingga tiga hari selepas Good Star memindahkan dana ke akaunnya.

Keterangan Adam Ariff membabitkan jejak wang bagi Fasa Good Star antara 23 Februari dan 14 Jun 2011 membabitkan RM60.629 juta dikreditkan ke akaun sama daripada akaun Riyad Bank, yang dikesan pada terbitan Bon IMTN 1MDB pada 2009 dan pinjaman bertempoh bersindiket pada 2010.

Saksi itu memberikan keterangan terhadap Najib, 70, yang

berdepan empat tuduhan menggunakan kedudukannya ketika itu bagi mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB, serta 21 pertuduhan pengubahan wang haram membatikan jumlah sama.

Sementara itu, Adam Ariff yang merujuk laporan jejak wang dalam akaun Najib bagi Fasa 'Aabar-BVI' berkata, akaun peribadi Najib turut menerima AS\$30 juta daripada sebuah syarikat samaran, Blackstone Asia Real Estate Partners.

Menurut saksi itu, akaun berkenaan menerima wang melalui dua peringkat iaitu berjumlah AS\$5 juta pada 30 Oktober 2012 dan AS\$25 juta lagi dipindahkan pada 19 November tahun yang sama.

Blackstone adalah sebuah syarikat yang dikatakan dikawal Jho Low melalui rakan sekutunya Tan Kim Loong atau Eric Tan.

Fasa 'Aabar-BVT' antara 30 Oktober dan 20 November 2012 dengan RM90.899 juta dikreditkan ke AmPrivate Banking - MR daripada akaun Standard Chartered Bank, Singapura atas nama Blackstone Asia Real Estate Partners yang dikesan pada bon dikeluarkan 1MDB Energy (Langat) Limited.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung petang ini.